Praktis 3 Tema Buku Teks: Sejarah dan Warisan

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara **80 hingga 100 patah perkataan**.

Lengkapkan ulasan yang diberikan dengan ayat yang sesuai.

Melaka Bandaraya Bersejarah

Rangka Ulasan

Pendahuluan
Melaka – banyak kisah sejarah – Melaka Bandaraya Bersejarah – pakej melancong ke Melaka

Isi 1
Pakej yang ditawarkan – secara berkumpulan – dua hari satu malam – bermula daripada RM110

Isi 2
Harga dan perkhidmatan berbaloi – menjimatkan kos – pengangkutan bas sepanjang lawatan

Isi 3
Tiket percuma – tempat menarik di Melaka – aktiviti menarik

Penutup
Jangan lepaskan peluang – jauh perjalanan, luas pemandangan

Ulasan Cemerlang

- Antara pengisian pakej ialah pengangkutan bas sepanjang lawatan dan penginapan.
- Harga pakej yang ditawarkan bermula daripada RM110.
- Rebutlah peluang yang ada kerana jauh perjalanan, luas pemandangan.
- Keistimewaan ini mendorong pengunjung untuk melancong ke negeri ini melalui agensi Syarikat Percutian Mega Gemilang.

Negeri Melaka merupakan negeri yang mempunyai banyak kisah sejarah sehingga digelar Melaka Bandaraya Bersejarah **(1)** _____

_____.

Pakej yang ditawarkan ialah pakej secara berkumpulan untuk dua orang selama dua hari satu malam. **(2)** _____

_____.

Pakej percutian ini sememangnya berbaloi dan menjimatkan. **(3)** _____

_____.

Harga yang ditawarkan juga termasuk tiket Menara Taming Sari dan tempat lain seperti A' Famosa, Kapal Samudera berserta aktiviti menarik yang lain. **(4)** _____

_____.

LIVEWORKSHEETS